

26 SEP 2002

Syed Hamid-Kanada/I

M'SIA AKAN TERUS TINGKAT DESAKAN KE ATAS KANADA BABITKAN PERATURAN UISA

SEPANG, 26 Sept (Bernama) -- Malaysia akan terus mendesak Kanada supaya menarik balik peraturan visa ke atas rakyat Malaysia yang melawat negara itu, kata Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar hari ini.

Beliau berkata Kerajaan Malaysia akan menggunakan saluran diplomatik untuk memansuhkan syarat visa itu.

"Kita tidak suka dengannya (peraturan) walau apa sahaja alasan yang diberi. Tetapi jika mereka memutuskan untuk tidak mengkaji semula, tidak ada apa yang dapat kita lakukan," katanya kepada pemberita sejurus tiba di Lapangan terbang Antarabangsa KL (KLIA) di sini selepas menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (ASEM) di Copenhagen.

Rakyat Malaysia yang ingin mengunjungi Kanada disyaratkan memohon visa penduduk sementara berkuatkuasa Selasa lepas.

Syed Hamid berkata negara-negara Komanwel yang turut dianggotai Kanada dan Malaysia pada amnya, tidak mengenakan syarat visa ke atas negara anggota kecuali ada alasan kukuh.

Beliau berkata walaupun ia merupakan prerogatif Kanada untuk memperkenalkan peraturan visa itu, Ottawa sepatutnya mengambil kira fakta bahawa Malaysia merupakan antara rakan perdagangan dan ekonomi paling rapat di kalangan negara Asean.

Ketika mengulas dakwaan bahawa pasport Malaysia kerap disalahgunakan, Syed Hamid berkata pasport yang dikeluarkan oleh negara lain juga tertakluk kepada penyalahgunaan.

Ditanya sama ada Malaysia akan memperkenalkan peraturan yang sama ke atas rakyat Kanada yang melawat negara ini, Syed Hamid berkata beliau tidak percaya dengan pendekatan membalas balik.

Beliau juga ditanya mengenai kepungan berterusan tentera Israel ke atas ibu pejabat Presiden Palestin Yasser Arafat di Ramallah Tebing Barat.

Syed Hamid berkata Israel mesti menghentikannya kerana ia tidak berperi kemanusiaan dan suatu yang tidak menyumbang kepada menamatkan krisis Asia Barat.

Israel, katanya enggan mematuhi pelbagai resolusi yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu terhadap penaklukannya ke atas tanah Palestin dan masyarakat antarabangsa seolah-olah tidak melakukan apa-apa untuk mendesak Tel Aviv mematuhi resoulusi terbabit.

Ditanya mengenai serangan ke atas sebuah kuil Hindu yang mengorbankan 28 orang di Gujarat, India, Syed Hamid berkata Malaysia sentiasa percaya bahawa keganasan tidak boleh dimaafkan.

Beliau berkata mereka yang terbabit mesti duduk berbincang dan mencari penyelesaian damai kepada masalah itu di negara pelbagai kaum tersebut.

"Kita suka melihat kedamaian di India," katanya.

Menyentuh mengenai hasil mesyuarat ASEM di Copenhagen, Syed Hamid berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang pada peringkat awalnya was-was mengenainya, mendapati mesyuarat itu terbukti memberi manfaat, termasuk merapatkan Asia dan Eropah.

-- BERNAMA

MAM MAM LAT